# JPS akan ambil tindakan

**BANTING** - Masalah semak di kawasan berhampiran sungai di Taman Sri Telok Datok bakal selesai apabila Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Kuala Langat telah memanjangkan isu berkenaan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk diambil tindakan segera dalam masa terdekat.

Pegawai Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Langat, Rosli Othman berkata pihaknya sudah menerima laporan daripada penduduk mengenai keadaan semak sehingga mengancam keselamatan penduduk.

"Semak di kawasan itu adalah tanah rezab sungai dan bukannya atas tanah individu.

"Tidak dinafikan kawasan tersebut sudah menjadi seperti hutan akibat tiadanya penyelenggaraan daripada pihak sepatutnya," katanya.

Beliau berkata, pihaknya tiada perancangan untuk menebang pokok yang ada di kawasan berkenaan kerana pokok di sepanjang rezab sungai itu dijadikan sebagai tebing supaya tidak menyebabkan hakisan tanah.

"Bagaimanapun, kita akan bekerjasama dengan pelbagai pihak termasuk pihak berkuasa tempatan bagi memastikan semua agensi yang terlibat bertindak bagi mengatasi segala masalah yang dilaporkan penduduk," katanya.

Sebelum ini, Sinar Harian melaporkan aduan penduduk taman perumahan berkenaan mengenai keadaan semak yang tidak diselenggarakan sejak lima tahun lalu.

Penduduk mendakwa, bukan sahaja menjadi lokasi haiwan liar tetapi risau menjadi lokasi aktiviti sosial anak muda kerana kawasan tersebut agak tersembunyi.



## Lima tahun tidak selenggara

*Penduduk bimbang kawasan semak jadi tempat biak haiwan liar*

ELOK DATOK - Tanah ersebelahan Sungai Langat erhampiran perumahan di man Sri Telok Datok kini ak samun mengundang mbangan dalam kalangenduduk.

Penduduk, Mohd Fadzil amdan, 43, berkata, kasan semak yang tidak dienggarakan lebih lima ta- n itu didakwa menjadi lokasi mbiakan haiwan liar seperti dan monyet.

Menurutnya, keadaan ini risaukan penduduk yang gal di deretan rumah berapan semak samun itu seggakan terpaksa menutup gkap akibat risau haiwan sebut memasuki rumah ereka.

"Selain itu, difahamkan nduduk membuat aduan pada Majlis Daerah Kuala angat (MDKL) beberapa li, namun dimaklumkan kan di bawah bidang kuaa mereka.

"Bagaimana perkara ini oleh berlaku sedangkan piak terbabit perlu mengambil ndakan kerana melibatkan ... bawah

MOHD FADZIL

ZAWALAJAM

Seorang lagi penduduk, Zawalajam Mashod, 35, berkata, apabila keadaan sudah semak terdapat pihak tertentu mengambil kesempatan membuang sampah termasuk lebihan bahan binaan.

Katanya, keadaan ini merisaukan penduduk kerana terpaksa berhadapan situasi longgokan sampah oleh pihak tidak bertanggungjawab.

"Bagaimanapun, longgokan sampah juga tidak dapat dilihat kerana ditutupi semak samun sehingga tidak lagi nampak sungai di hadapan rumah.

"Walaupun difahamkan status tanah adalah tanah Lesen Pendudukan Sementara (TOL) tetapi pihak berkenaan sewajarnya mengambil serius hal ini," katanya.

Bagi Mohammad Khairul Abdul Samad, 45, berkata, dia mahu penyelenggaraan segera dilakukan bagi mengelakkan aktiviti sosial berlaku di kawasan itu.

Katanya, walaupun mempunyai pasukan rondaan sukarela, keadaan ini perlu diambil tindakan supaya tiada kejadian tidak diingini berlaku terutamanya waktu malam kerana laluan tersebut sangat sunyi.

"Selain itu, pihak bertanggungjawab juga diharapkan tidak menuding jari kepada sesiapa dan bersikap terbuka untuk menyelesaikan masalah penduduk di sini.

"Dalam pada itu, cadangan supaya memasang pagar berhampiran sungai dapat dilaksanakan bagi mengelakkan aktiviti membuang sampah berlaku," katanya.

Sementara itu, Yang Dipertua MDKL, Mohd Azhar Mohamed Ali ketika dihubungi memaklumkan sungai di bawah kawalan Lembaga Urus Air Selangor (Luas) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sekali gus Luas boleh mengambil tindakan kompaun dan mahkamah di bawah Enakmen Air.

Bagaimanapun, katanya, Jabatan Alam Sekitar juga mempunyai peranan di bawah akta kualiti alam sekitar di bawah pencemaran sungai dan pejabat tanah juga boleh membuat tindakan penguatkuasaan bahan batuan dan *concrete waste* di bawah Seksyen 426 Kanun Tanah Negara- pengalihan bahan batuan tanpa

Keadaan semak samun sehingga menjejaskan pemandangan tepi sungai.

Laporan Sinar Harian 23 Oktober lalu.

**Hebahkan**
aktiviti komuniti anda
hubungi Sinar Harian